

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1998/99

Februari 1999

BST 204/3 - Ekosistem Tropika
BST 322/3 - Ekosistem Tropika

Masa : [3 jam]

Jawab **LIMA** daripada **ENAM** soalan yang diberikan, dalam Bahasa Malaysia.

Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.

...2/-

1. Ekosistem tropika memainkan peranan yang penting di dalam pengawalaturan sistem ekologi kita. Bincangkan kesan pemusnahan ekosistem seperti ini ke atas kehidupan manusia.
(20 markah)

2. Huraikan produktiviti primer kasar dan produktiviti primer bersih. Terangkan kepentingan mengukur produktiviti sesuatu bentuk hutan di Malaysia. Terangkan juga hubungan produktiviti dengan biojisim.
(20 markah)

3. Bincangkan struktur dan komposisi hutan tanah pamah malar hijau, hutan gunung rendah dan hutan gunung atasan.
(20 markah)

4. Bincangkan perubahan bermusim pembentukan daun, bunga dan buah bagi tumbuhan hutan hujan tropika. Terangkan kesannya ke atas perlakuan haiwan yang mendiami ekosistem tersebut.
(20 markah)

5. Bezakan antara hutan bakau, hutan paya gambut dan hutan paya air tawar. Hutan bakau merupakan ekosistem yang penuh dengan ketegangan persekitaran. Terangkan bagaimana tumbuhan berupaya untuk menapak di kawasan seperti itu. Apakah kesan sekiranya ekosistem ini diubah menjadi kawasan perindustrian atau pertanian?
(20 markah)

6. Tulis tentang dua tajuk berikut:
 - (a) Sinusia.
 - (b) Zon hidupan akuatik dan organisma yang mendiaminya.
 - (c) Kitar karbon.
(20 markah)